



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI SEMBILAN  
TINGKAT 10, WISMA PERSEKUTUAN  
JALAN DATO' ABDUL KADIR, 70990 SEREMBAN  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Tel : 06-7686800  
Fax : 06-7619027  
Web : <http://portalpp.anm.gov.my/nsembilan>

Ruj. Kami : ANM (A) NS.003 Jld.23( 20 )

Tarikh : 25 Jun 2020

**PENGARAH  
SEMUA PUSAT TANGGUNGJAWAB  
SEMUA PUSAT PEMBAYAR  
KERAJAAN PERSEKUTUAN  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

YBhg. Dato' / Tuan,

**PENYEDIAAN SIJIL PENGESAHAN BAKI DAN PENYATA PENYESUAIAN  
VOT, AKAUN TERIMAAN DAN AKAUN DEPOSIT BAGI BULAN MAC  
SEHINGGA MEI 2020**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Akauntan Negara (JANM) telah mengeluarkan

- a) **Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 7 Tahun 2018 – Tatacara Pengurusan Vot**
- b) **Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 3 Tahun 2019 – Tatacara Pengurusan Terimaan**
- c) **Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 4 Tahun 2019 – Tatacara Pengurusan Deposit**

3. Sebagaimana tuan/puan sedia maklum, mulai 10 Jun 2020 semua perkhidmatan Kerajaan telah beroperasi sepenuhnya. Sehubungan itu, semua PTJ/Pejabat Pemungut perlu menghantar sijil pengesahan baki bagi bulan Mac hingga Mei 2020 (yang diberi pengecualian sebelum ini) **sebelum atau pada 30 Jun 2020**.

4. PTJ hendaklah menyemak dan mengesahkan maklumat dalam laporan adalah tepat dan betul, dan **mengemukakan Sijil Pengesahan Baki Vot, Akaun Terimaan dan Akaun Deposit dan Penyata Penyesuaian (jika berkaitan) secara *hardcopy*** ke Unit Akaun, JANM Negeri Sembilan. Format penyediaan Sijil Pengesahan Baki boleh dimuat turun di portal JANM ([www.anm.gov.my](http://www.anm.gov.my)) di ruangan pekeliling. Surat makluman ini boleh dimuat turun di portal JANMNS.

5. Sekiranya tiada transaksi pada bulan **Mac hingga Mei 2020**, pihak YBhg. Dato'/tuan adalah dipohon untuk memaklumkan Jabatan ini **secara bertulis**.

Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara di atas, pihak YBhg. Dato'/tuan bolehlah menghubungi pegawai berikut:

- a) Sijil Pengesahan Baki Vot ( SPANM 7/2018 )  
**Pn. Noriza Binti Md Nasir** **06-768 6839**
- b) Sijil Pengesahan Baki Akaun Terimaan ( SPANM 3/2019 )  
**Pn. Farah Nadirah Binti Zulkifli** **06-768 6839**
- c) Sijil Pengesahan Baki Akaun Deposit ( SPANM 4/2019 )  
**Pn. Nurulhuda Binti Husin** **06-768 6890**


6. Kerjasama daripada pihak YBhg. Dato'/tuan berhubung perkara di atas amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

***'Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi'***

Saya yang menjalankan amanah,



**( NOOR AZURA BINTI MOHD AZHAR ACCA (UK), C.A.(M) )**

Unit Akaun

b.p.: Pengarah Negeri,

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Sembilan.